



# PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-1 1031980 / WWW.PIKM.MY

**Presiden**  
DATUK MOHAMMAD UBAIDILLAH BIN ENAM @ IMAN

**Timbalan Presiden**  
MEJAR JENERAL DATO' PAHLAWAN HJ. ABU SUFIAN BIN HJ. AHMAD (B)

**Naib Presiden**  
AINI SURAYA BINTI DATUK OSMAN HABIBULLAH BIN DATO' HJ. AHMAD DATO' HJ. JAAFAR BIN HJ. MAT

**Setiausaha Kehormat**  
KAPTEN SHAHARUDDIN BIN SAMSI

**Bendahari Kehormat**  
IR. SOFIA BINTI DATO' IR. JOHARI

**Penolong Setiausaha**  
ASSYANUR NASYRAH BINTI ISHAK

**Penolong Bendahari**  
KU NORZAINUN BT DATO' HJ. IMAM ASMAWI

**Ahli-ahli Jawatankuasa**  
ADILA BIN DATO' ABDULLAH HJ. KHAIDZER BIN HJ. KEDAH MEJAR (K) MUHAMMAD SYAFIQ BIN DATUK ISHAK ARIF IZUDDIN BIN MOHD RADZALI DATO' MOHID BIN MOHAMED DATUK MUHAMMAD SYAHRIL BIN ABU BAKAR AISHAH BINTI MAT DESA

**Juruaudit Dalaman**  
MOHD HODORI B. SARBINI ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

**Sekretariat**

**Pengurus Besar**  
JEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2026(44)

15 DISEMBER 2025

**SEMUA AHLI PIKM**  
(U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT EDARAN PIKM KE-44/2025:**  
**SURAT ARAHAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI MEWAJIBKAN**  
**PENGAWAL KESELAMATAN UNTUK MENJALANI PROGRAM LATIHAN**  
**CERTIFIED SECURITY GUARDS (CSG) PADA TAHUN 2026**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Bersama ini diedarkan surat arahan Kementerian Dalam Negeri (KDN) Rujukan: KDN.K.S.7003/1/18 Jld 2 (23) bertarikh 9 Disember 2025 yang mewajibkan pengawal keselamatan untuk menjalani Program Latihan *Certified Security Guards* (CSG) bagi Tahun 2026. Turut dilampirkan adalah jadual latihan bermula bulan Januari 2026 sehingga Disember 2026.

3. Bagi tujuan pembaharuan lesen Agensi Persendirian tahun 2027, syarikat diwajibkan memenuhi jumlah kuota Latihan CSG seperti yang ditetapkan melalui surat KDN berkenaan, berdasarkan baki jumlah pengawal keselamatan termpatan yang masih belum menghadiri Program Latihan CSG. **Pendaftaran peserta Latihan CSG akan mula dibuka di Portal e-PIKM selewatnya pada minggu pertama Januari 2026.**

4. Di samping itu, PIKM memandang serius isu pembatalan beberapa siri latihan sebelum ini yang berpunca daripada jumlah kehadiran peserta yang tidak mencapai kapasiti minimum yang ditetapkan oleh Pusat Latihan PDRM, serta kegagalan syarikat menghantar peserta mengikut jumlah pendaftaran yang telah dibuat melalui Portal e-PIKM.

5. Situasi ini telah menimbulkan kesukaran kepada pihak Persatuan kerana terpaksa menampung lebihan perbelanjaan, khususnya melibatkan kos makanan dan penginapan peserta yang telah disediakan bagi hari pertama di pusat latihan. Selain itu, pembatalan Latihan CSG turut memberi kesan kepada syarikat yang telah mendaftar dan hadir untuk mengikuti program latihan tersebut.

6. Ahli juga disarankan untuk mematuhi panduan seperti yang dijelaskan di Portal e-PIKM melalui pautan <https://www.pikm.my/csg-training/> berhubung garis panduan, potongan yuran latihan sebanyak RM150.00 terhadap peserta berdaftar yang gagal menghadiri latihan, pelaksanaan *Cut Off Time* pendaftaran dan bayaran latihan, penggunaan Sistem FPX sepenuhnya sebagai medium pembayaran bagi pendaftaran kursus latihan serta maklumat lain yang berkaitan.

7. Syarikat juga perlu peka dengan sebarang pindaan jadual latihan yang akan dimaklumkan melalui Portal e-PIKM dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**KAPT SHAHARUDDIN BIN SAMSI**  
**SETIAUSAHA KEHORMAT**

b.p. Presiden



Ruj. Kami : KDN.K.S.7003/1/18 Jld 2 (23)  
Tarikh : 9 Disember 2025

**YBhg. Datuk Mohammad Ubaidillah Iman  
Presiden**

Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM)  
Unit 715 & 716, Blok A, Tingkat 7  
Kelana Business Centre, Jalan SS 7/2, Kelana Jaya  
47301 Petaling Jaya, Selangor

YBhg. Datuk,

**ARAHAN MEWAJIBKAN PENGAWAL KESELAMATAN UNTUK MENJALANI  
PROGRAM LATIHAN *CERTIFIED SECURITY GUARDS* (CSG) PADA TAHUN 2026**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

- Untuk makluman YBhg. Datuk, Program Latihan *Certified Security Guards* (CSG) akan terus dilaksanakan pada tahun 2026 seiring dengan komitmen Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk memantapkan lagi kualiti perkhidmatan syarikat kawalan keselamatan di negara ini. Program latihan ini juga akan terus diadakan bagi meningkatkan lagi keupayaan dan kapasiti pekerja tempatan sebagai langkah untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.
- Sehubungan dengan itu, semua syarikat kawalan keselamatan yang berlesen di bawah Akta Agensi Persendirian 1971 diwajibkan untuk memenuhi kuota pengawal keselamatan tempatan yang mengikuti *Latihan Certified Security Guard* (CSG) bagi tahun 2026 sebagai syarat kelayakan untuk dipertimbangkan dalam pembaharuan Lesen Agensi Persendirian pada tahun berikutnya. Ketetapan kuota adalah seperti berikut:

Baki jumlah pengawal keselamatan yang masih belum menghadiri latihan CSG pada tahun 2026	Kuota Latihan CSG
101 pengawal dan ke atas	Minimum 70%
Kurang daripada 100 pengawal	Minimum 70 orang

4. Penetapan kuota ini adalah ke atas jumlah baki pengawal keselamatan tempatan yang masih belum menghadiri program latihan CSG. Pengiraan kuota latihan CSG ini adalah bagi tujuan pembaharuan lesen Agensi Persendirian untuk tahun akan datang.

5. Semua syarikat kawalan keselamatan adalah dinasihatkan untuk membuat perancangan awal bagi memastikan semua pengawal keselamatan menghadiri program latihan CSG berdasarkan kepada jadual siri latihan yang telah ditetapkan oleh KDN dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). PDRM telah menyediakan jumlah kapasiti latihan yang mencukupi dan jurulatih yang terlatih bagi melaksanakan program latihan CSG di pusat-pusat latihan polis di seluruh negara.

6. Bersama-sama ini dikemukakan jadual latihan CSG untuk tahun 2026. Untuk maklumat lanjut dan pendaftaran latihan bolehlah dibuat melalui Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM). Segala kerjasama dan perhatian daripada pihak YBhg. Datuk berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK ZULKIFLI BIN ABIDIN)**

Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam  
b.p: Ketua Setiausaha  
Kementerian Dalam Negeri

**s.k:**

YBhg. Datuk KSU  
YBhg. Dato' TKSU (K)  
SUB (PKK)

Ketua Polis Negara  
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia  
Bukit Aman  
50560 Kuala Lumpur  
**(u.p: Pengarah Pengurusan PDRM)**

No Faks: 03-22731629

JADUAL PERLAKSANAAN PROGRAM LATIHAN 'CERTIFIED SECURITY GUARD' (CSG) BAGI TAHUN 2026

BULAN	SIRI	TARIKH	INSTITUSI LATIHAN	ZON	KAPASITI	JUMLAH
	SIRI 1	17 JAN - 22 JAN	PULAPOL DUNGUN	TIMUR	150	1,000
		18 JAN - 23 JAN	PULAPOL KOTA KINABALU	SABAH	150	
		18 JAN - 23 JAN	PULAPOL KUCHING	SARAWAK	150	
		25 JAN - 30 JAN	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH	200	
		25 JAN - 30 JAN	PULAPOL AIR HITAM	SELATAN	200	
		25 JAN - 30 JAN	PUSAT LATIHAN PGA ULU KINTA	UTARA	150	
<b>PUASA TAHUN 2026 DIJANGKA BERMULA 19 FEB 2026</b>						
FEBRUARI	SIRI 2	07 FEB - 12 FEB	PULAPOL DUNGUN	TIMUR	150	850
		08 FEB - 13 FEB	PUSAT LATIHAN PGA ULU KINTA	UTARA	150	
		08 FEB - 13 FEB	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH	200	
		08 FEB - 13 FEB	PULAPOL SEGAMAT	SELATAN	200	
		08 FEB - 13 FEB	PULAPOL KUCHING	SARAWAK	150	
<b>HARI RAYA PUASA TAHUN 2026 DIJANGKA BERMULA 20 MAC 2026</b>						
MAC	SIRI 3	29 MAC - 03 APR	PULAPOL BUKIT SENTOSA	TENGAH	150	600
		29 MAC - 03 APR	PULAPOL KOTA KINABALU	SABAH	150	
		29 MAC - 03 APR	PUSAT LATIHAN PGA ULU KINTA	UTARA	150	
		29 MAC - 03 APR	PULAPOL DUNGUN	TIMUR	150	
APRIL	SIRI 4	05 APR - 10 APR	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH	200	200
	SIRI 5	11 APR - 16 APR	PULAPOL DUNGUN	TIMUR	150	600
		12 APR - 17 APR	PULAPOL BUKIT SENTOSA	TENGAH	150	
		12 APR - 17 APR	PULAPOL KOTA KINABALU	SABAH	150	
		12 APR - 17 APR	PUSAT LATIHAN PGA ULU KINTA	UTARA	150	
	SIRI 6	19 APR - 24 APR	PULAPOL SEGAMAT	SELATAN	200	350
19 APR - 24 APR		PULAPOL KUCHING	SARAWAK	150		
MEI	SIRI 7	03 MEI - 08 MEI	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH	200	650
		03 MEI - 08 MEI	PULAPOL KOTA KINABALU	SABAH	150	
		03 MEI - 08 MEI	MAKTAB TEKNIK BAKRI MUAR	SELATAN	300	
	SIRI 8	09 MEI - 14 MEI	PULAPOL DUNGUN	TIMUR	150	300
		10 MEI - 15 MEI	PULAPOL BUKIT SENTOSA	TENGAH	150	
	SIRI 9	10 MEI - 15 MEI	PUSAT LATIHAN PGA ULU KINTA	UTARA	150	750
		17 MEI - 22 MEI	PULAPOL KUCHING	SARAWAK	150	
		17 MEI - 22 MEI	PULAPOL KOTA KINABALU	SABAH	150	
		17 MEI - 22 MEI	MAKTAB TEKNIK BAKRI MUAR	SELATAN	300	
JUN	SIRI 10	06 JUN - 11 JUN	PULAPOL DUNGUN	TIMUR	150	500
		07 JUN - 12 JUN	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH	200	
		07 JUN - 12 JUN	PUSAT LATIHAN PGA ULU KINTA	UTARA	150	
	SIRI 11	14 JUN - 19 JUN	PULAPOL KUCHING	SARAWAK	150	750
		14 JUN - 19 JUN	PULAPOL BUKIT SENTOSA	TENGAH	150	
		21 JUN - 26 JUN	MAKTAB TEKNIK BAKRI MUAR	SELATAN	300	
		21 JUN - 26 JUN	PULAPOL KOTA KINABALU	SABAH	150	

BULAN	SIRI	TARIKH	INSTITUSI LATIHAN	ZON	KAPASITI	JUMLAH
JULAI	SIRI 12	04 JUL - 09 JUL	PULAPOL DUNGUN	TIMUR	150	500
		05 JUL - 10 JUL	PULAPOL AIR HITAM	SELATAN	200	
		05 JUL - 10 JUL	PULAPOL KUCHING	SARAWAK	150	
	SIRI 13	12 JUL - 17 JUL	PULAPOL BUKIT SENTOSA	TENGAH	150	800
		12 JUL - 17 JUL	PUSAT LATIHAN PGA ULU KINTA	UTARA	150	
		19 JUL - 24 JUL	MAKTAB TEKNIK BAKRI MUAR	SELATAN	300	
		19 JUL - 24 JUL	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH	200	
	SIRI 14	26 JUL - 31 JUL	PULAPOL KOTA KINABALU	SABAH	150	300
26 JUL - 31 JUL		PUSAT LATIHAN PGA ULU KINTA	UTARA	150		
OGOS	SIRI 15	01 OGOS - 06 OGOS	PULAPOL DUNGUN	TIMUR	150	300
		09 OGOS - 14 OGOS	PULAPOL BUKIT SENTOSA	TENGAH	150	
	SIRI 16	16 OGOS - 21 OGOS	MAKTAB TEKNIK BAKRI MUAR	SELATAN	300	950
		16 OGOS - 21 OGOS	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH	200	
		16 OGOS - 21 OGOS	PULAPOL KUCHING	SARAWAK	150	
		16 OGOS - 21 OGOS	PULAPOL KOTA KINABALU	SABAH	150	
		15 OGOS - 20 OGOS	PULAPOL LANGKAWI	UTARA	150	
SEPTEMBER	SIRI 17	05 SEPT - 10 SEPT	PULAPOL DUNGUN	TIMUR	150	700
		06 SEPT - 11 SEPT	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH	200	
		06 SEPT - 11 SEPT	PULAPOL AIR HITAM	SELATAN	200	
		06 SEPT - 11 SEPT	PULAPOL KOTA KINABALU	SABAH	150	
	SIRI 18	19 SEPT - 24 SEPT	PULAPOL LANGKAWI	UTARA	150	500
		20 SEPT - 25 SEPT	PULAPOL SEGAMAT	SELATAN	200	
		20 SEPT - 25 SEPT	PULAPOL KUCHING	SARAWAK	150	
OKTOBER	SIRI 19	03 OKT - 08 OKT	PULAPOL DUNGUN	TIMUR	150	550
		04 OKT - 09 OKT	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH	200	
		04 OKT - 09 OKT	PULAPOL AIR HITAM	SELATAN	200	
	SIRI 20	18 OKT - 23 OKT	PULAPOL KUCHING	SARAWAK	150	500
		18 OKT - 23 OKT	PULAPOL SEGAMAT	SELATAN	200	
		25 OKT - 30 OKT	PULAPOL BUKIT SENTOSA	TENGAH	150	
NOVEMBER	SIRI 21	01 NOV - 06 NOV	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH	200	400
		01 NOV - 06 NOV	PULAPOL AIR HITAM	SELATAN	200	
	SIRI 22	21 NOV - 26 NOV	PULAPOL DUNGUN	TIMUR	150	300
		22 NOV - 27 NOV	PULAPOL BUKIT SENTOSA	TENGAH	150	
DISEMBER	SIRI 23	05 DIS - 10 DIS	PULAPOL DUNGUN	TIMUR	150	700
		06 DIS - 11 DIS	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH	200	
		06 DIS - 11 DIS	PULAPOL KUCHING	SARAWAK	150	
		06 DIS - 11 DIS	PULAPOL AIR HITAM	SELATAN	200	
	SIRI 24	13 DIS - 18 DIS	PULAPOL BUKIT SENTOSA	TENGAH	150	150
					13,200	13,200